



SERAH KUNCI ... Hafez (dua kiri) menyampaikan replika kunci rumah kepada Mohammad Johannes (tepi kanan) sambil disaksikan Dr Ismail (dua kanan).

UMS beri percuma rumah berkeluasan 600 kaki persegi

NST 27.2.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengadakan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam usaha membantu masyarakat setempat yang kurang bernasib baik.

Terbaru, UMS menyerahkan sebuah lagi Rumah Komuniti CSR kepada sebuah keluarga kurang berkemampuan di Kampung Pelakat,

Sapok Sipitang.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, Projek Rumah Komuniti CSR itu yang dibina dengan kos sebanyak RM20,000 diberikan secara percuma kepada penerima yang berdaftar dengan program E-Kasih, Mohammad Johannes @ Rosli.

“Pemilihan ini juga dibuat melalui Pejabat Daerah Sipitang,” jelasnya sambil memaklumkan pembinaan rumah tersebut adalah berkonsepkan sistem bangunan berindustri (IBS) dengan saiz berukuran 600 kaki persegi dan dilengkapi dengan tiga bilik tidur, satu tandas, dapur kecil dan ruang tamu.

Majlis perasmian dan penyampaian Rumah Komuniti CSR UMS itu disempurnakan Ketua Pemuda Umno Sipitang, Yamani Hafez Musa.

Yamani yang juga Ketua Pemuda Umno Sabah dan Penasihat Persatuan Siswazah Sabah di Semenanjung Malaysia turut menyampaikan bantuan alatan sekolah kepada 100 pelajar sekolah rendah dan baucar buku kepada 30 mahasiswa UMS yang berasal dari Sipitang.

Untuk rekod, UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar sebelum ini juga telah menyerahkan dua Rumah Komuniti CSR masing-masing di Kota Belud dan Tawau, manakala sebuah lagi akan disampaikan di Sandakan dalam tempoh terdekat.